



BAB 1: MANUSIA PERLU BERSYUKUR



Kisah Kaum-kaum yang Ingkar

Kaum Musyrikin Mekah telah menolak kebenaran Islam. Oleh sebab itu Allah memberi peringatan kepada mereka supaya mengambil iktibar daripada kaum terdahulu yang dikurniakan pelbagai nikmat kemewahan hidup tetapi tidak bersyukur. Akhirnya mereka dibinasakan dan digantikan dengan kaum yang lain. Segala harta benda dan kekuasaan tidak dapat menyelamatkan mereka.

Sesungguhnya Allah menurunkan bencana sebagai memberi peringatan kepada manusia. Begitulah yang diceritakan oleh Allah di dalam Al-Quran tentang kemusnahan kaum 'Ad, kaum Thamud, dan kaum Lut yang telah melakukan kemungkaran dan kezaliman. Generasi hari ini perlu mengambil iktibar daripada kisah kemusnahan ini.

Kaum 'Ad



** Kesan-kesan bandar Uber, yang menjadi tempat tinggal kaum 'Ad ditemui berhampiran pantai Oman.*

Allah telah mengutuskan Nabi Hud A.S. kepada kaum ‘Ad untuk melaksanakan seperti apa yang telah dijalankan oleh para rasul sebelumnya iaitu mengajak kaumnya beriman kepada Allah, tidak menyekutukan-Nya, dan mengikut ajaran baginda sebagai seorang rasul pada masa itu. Walau bagaimanapun, kaum ‘Ad telah bertindak zalim terhadap seruan Nabi Hud A.S..

Mereka menuduh baginda bersalah, tidak ikhlas, dan berhasrat mengubah sistem kehidupan yang telah diwarisi daripada nenek moyang mereka. Segala kisah kemungkaran golongan ini telah diceritakan secara panjang lebar di dalam Surah Hud.

Di dalam Surah As-Syuara pula memperincikan beberapa sifat kaum ‘Ad. Kaum ini adalah masyarakat yang “membina mercu-mercu tanda di tempat-tempat tinggi”, dan mereka juga “membina untuk diri mereka bangunan-bangunan yang cantik dengan harapan akan dapat hidup (kekal) di dalamnya”. Sebaliknya, mereka kerap melakukan kezaliman dan berkelakuan ganas. Apabila Nabi Hud memberi amaran kepada mereka, jawapan yang diberikan terhadap seruan baginda ialah “ini tidak lain hanyalah kaedah tradisi purbakala”. Mereka sangat yakin bahawa tiada satu pun yang buruk akan berlaku ke atas mereka.

Kaum ‘Ad tidak pernah mengendahkan segala amaran dan nasihat yang telah diberikan oleh Nabi Hud. Malahan menjawab, “sama sahaja bagi kami, sama ada engkau beri nasihat pengajaran, atau engkau tidak menjadi dari orang-orang yang memberi nasihat pengajaran”. “Segala apa (yang engkau katakan) ini, hanyalah adat kebiasaan orang-orang dahulu kala. Dan kami pula tidak akan diseksa”.

Akhirnya mereka mendustakan Rasul itu, lalu Kami binasakan mereka. Sesungguhnya pada peristiwa yang demikian, terdapat satu tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah), dan dalam pada itu, kebanyakan mereka juga mahu beriman. Dan Sesungguhnya Tuhanmu (wahai Muhammad), Dialah sahaja Yang Maha Kuasa, lagi Maha Mengasihani. (Surah As-Syuara: Ayat 123 – 140)

Kaum ‘Ad menunjukkan perasaan benci kepada Nabi Hud yang mengajak mereka kepada Allah dan akhirnya mereka dimusnahkan. Ribut pasir (puting beliung) yang dahsyat telah menghapuskan kaum Nabi Hud sama sekali, seolah-olah mereka “tidak pernah wujud”.

Bagaimanakah Kaum ‘Ad Dibinasakan

Di dalam Al-Quran, kaum ‘Ad dikatakan pupus akibat “angin yang kencang”. Ayat-ayat Al-Quran menerangkan bagaimana angin yang kencang selama tujuh malam dan lapan hari telah menghapuskan kaum ‘Ad sama sekali.

(Demikian juga) kaum ‘Ad telah mendustakan Rasulnya (lalu mereka dibinasakan); maka perhatikanlah, bagaimana buruknya azab-Ku dan kesan amaran-amaran-Ku! Sesungguhnya Kami telah menghantarkan kepada mereka angin ribut yang kencang, pada hari nahas yang berlanjutan; ...Yang menumbangkan manusia gugur bergelimpangan, seolah-olah mereka batang-batang pohon kurma yang terbongkar. (Surah Al-Qamar: Ayat 18-20)

Adapun kaum ‘Ad, maka mereka telah dibinasakan dengan angin ribut yang kencang, yang melampau-lampau kencangnya. Yang diarahkannya menyerang mereka tujuh malam lapan hari terus-menerus; (kalaulah engkau menyaksikannya) maka engkau akan melihat kaum itu bergelimpangan mati, seolah-olah mereka batang-batang pohon kurma yang (tumbang dan) lompong. (Surah Al-Haqq: Ayat 6-7)

Walaupun telah diingatkan berkali-kali, mereka tetap degil dan terus-menerus menafikan seruan daripada rasul mereka. Dalam keadaan yang sungguh mengelirukan, mereka tidak dapat memahami apa yang sedang berlaku walaupun dapat melihat kehancuran semakin menghampiri mereka. Mereka terus ingkar.

Maka apabila mereka melihat azab itu sebagai awan yang menghala ke lembah-lembah mereka, mereka berkata: “Ini ialah awan yang akan membawa hujan kepada kita! (Mendengarkan kata-kata yang demikian, Nabi Hud berkata): “Tidak! Bahkan itulah (azab) yang kamu minta disegerakan kedatangannya, iaitu angin yang membawa azab seksa yang tidak terperi sakitnya. (Surah Al-Ahqaf: Ayat 24)

Ayat tadi menerangkan bagaimana penduduk-penduduk tersebut dapat melihat awan yang membawa kemusnahan, tetapi gagal untuk memahaminya dan menyangkakan ia adalah awan yang membawa hujan. Suasana ini membayangkan bagaimana malapetaka menghampiri penduduk-penduduk tersebut kerana taufan yang mendarang memukul gurun dari jauh juga kelihatan seperti awan yang membawa hujan. Mungkin juga kaum ‘Ad telah tertipu dengan apa yang mereka lihat, lantas tidak perasan dengan malapetaka tersebut. Seorang ahli sejarah (Doe) telah memberi penerangan mengenai kejadian ribut pasir (daripada pengalaman peribadinya). “Tanda-tanda awal (ribut debu atau pasir) ialah kemaraan dinding angin yang dipenuhi debu yang boleh mencapai ketinggian seribu kaki dan diangkat oleh arus yang semakin kencang dan berpusar oleh angin yang kuat”.

Kesan Sejarah

Kesan-kesan yang dianggap daripada kaum ‘Ad, “Atlantis Padang Pasir, Uber”, ditemui di bawah lapisan pasir beberapa meter ke dalam. Nampaknya angin yang kencang selama “tujuh malam dan lapan hari” seperti yang dinyatakan dalam Al-Quran telah menghimpunkan bertan-tan pasir di atas bandar tersebut dan menimbus penduduknya hidup-hidup. Penggalian yang dilakukan di Uber juga menunjukkan kepada kemungkinan yang sama. Sebuah majalah Perancis, *Ca M’Interesse* juga melaporkan perkara tersebut, “Uber telah ditimbus pasir sedalam 12 meter selepas ribut”.

Bukti yang paling jelas menunjukkan kaum ‘Ad telah ditimbus semasa ribut pasir, ialah perkataan “ahqaf” yang digunakan dalam Al-Quran untuk menunjukkan lokasi kaum ‘Ad. Penerangan yang diberikan melalui ayat ke-21 surah Al-Ahqaf adalah seperti berikut:

Dan ingatlah peristiwa (Nabi Hud) saudara kaum ‘Ad, tatkala ia memberi amaran kepada kaumnya yang tinggal di lembah “Al-Ahqaf”, - sedang (amarannya itu samalah seperti) amaran-amaran yang telah diberikan kepada Rasul-rasul yang terdahulu daripadanya dan yang datang sesudahnya – (dengan berkata): “Janganlah kamu menyembah melainkan Allah, sesungguhnya aku bimbang kamu akan berolah azab hari yang besar (huru-haranya)”. (Surah Al-Ahqaf: Ayat 21)

Bencana yang melanda ke atas kaum ‘Ad akibat ribut pasir “yang mengakibatkan manusia bergelimpangan seakan-akan pokok kurma yang tumbang”, pastinya telah menghapuskan sama sekali penduduk di situ dalam masa yang sungguh singkat. Inilah penduduk yang sebelum itu mengerjakan tanah-tanah yang subur, membina empangan dan tali-tali air untuk kegunaan mereka. Semua ladang yang subur, tali-tali air dan empangan milik penduduk yang tinggal di situ telah diliputi pasir. Bukan itu sahaja, bahkan seluruh bandar dan penghuninya telah ditimbus hidup-hidup di bawah pasir. Selepas semua penduduk terkorban, gurun menjadi lebih melata dan menutupi segala-galanya sehingga tidak meninggalkan sebarang kesan.


Kesimpulannya, bolehlah dikatakan bahawa penemuan-penemuan sejarah dan arkeologi telah mengesahkan kewujudan kaum ‘Ad dan bandar Iram yang kemudiannya telah dimusnahkan seperti yang diterangkan di dalam Al-Quran. Penyelidikan terkemudian telah menemukan kesan-kesan penduduk daripada timbunan-timbunan pasir.

Kaum Thamud

Seperti yang diterangkan dalam Al-Quran, kaum Thamud juga telah menolak seruan-seruan daripada Allah S.W.T. seperti mana kaum 'Ad. Atas sebab itu, mereka juga telah dipuskan. Pada hari ini, hasil daripada penyelidikan sejarah dan arkeologi, banyak perkara yang dahulunya tidak diketahui telah ditemui.

Antaranya termasuklah lokasi tempat tinggal kaum Thamud, rumah-rumah yang mereka bina dan juga cara hidup yang diamalkan. Masyarakat Thamud yang diterangkan di dalam Al-Quran pada hari ini sudah menjadi fakta sejarah yang dibuktikan oleh penemuan-penemuan arkeologi hari ini.

** Kaum Thamud adalah daripada keturunan kaum 'Ad. Penemuan arkeologi juga bersetuju dengan fakta ini kerana penemuan-penemuannya menunjukkan asal keturunan Thamud yang tinggal di bahagian utara Semenanjung Arab boleh dikesan di bahagian Selatan Tanah Arab di mana kaum 'Ad pernah tinggal.*



Seruan Nabi Salleh A.S. Mengenai Risalah Allah

Nabi Salleh A.S. telah diutuskan kepada kaum Thamud untuk memberi peringatan. Baginda adalah seorang yang ternama dalam kalangan kaumnya. Oleh itu mereka sangat terkejut apabila Nabi Salleh mengisytiharkan agama yang suci dan mengajak mereka meninggalkan kemungkaran yang dilakukan. Sebagai reaksi yang pertama, mereka telah mencaci dan mengutuk baginda;

“Wahai Salleh, sesungguhnya engkau sebelum ini adalah orang yang diharap dalam kalangan kami (untuk memimpin kami); patutkah engkau melarang kami

daripada menyembah apa yang disembah oleh datuk nenek kami? Dan (ketahuilah) sesungguhnya kamu berada dalam keadaan ragu-ragu yang merungsingkan tentang apa yang engkau serukan kami kepadanya”. (Surah Hud: Ayat 62-62)

Hanya segelintir anggota masyarakatnya yang menerima seruan tersebut sedangkan yang lain telah menolaknya, terutama sekali para pemimpin masyarakat sehingga mereka bertindak kasar ke atas baginda. Mereka telah berusaha mendesak dan menindas para pengikut Nabi Salleh. Mereka amat marah kepada Nabi Salleh kerana seruan baginda supaya mereka hanya menyembah Allah. Kemarahan ini bukanlah khusus dalam masyarakat Thamud, tetapi juga berlaku ke atas kaum Nabi Nuh dan kaum ‘Ad yang hidup sebelum mereka.

Seruan dan amaran Nabi Salleh tidak diendahkan dan mereka terus-menerus dalam kejahilan. Namun, terdapat satu kumpulan manusia yang beriman kepada kerasulan Nabi Salleh – mereka inilah yang diselamatkan bersama-sama baginda apabila datangnya satu malapetaka yang hebat. Pemimpin-pemimpin masyarakat ini telah berusaha menekan mereka yang beriman kepada ajaran Nabi Salleh A.S..

Kaum Thamud tetap dengan kejahilan mereka terhadap Allah dan kerasulan Salleh A.S.. Tambahan pula, terdapat satu kumpulan masyarakat yang menolak Nabi Salleh secara terang-terangan. Kumpulan yang menolak sebarang kepercayaan yang menggunakan nama Allah S.W.T. telah merancang untuk membunuh Nabi Salleh A.S..

Banyak kisah pergelutan Nabi Salleh dengan golongan penentang diceritakan dalam Al-Quran. Kaum Thamud tetap dengan kedegilan dan kemungkarannya. Memandangkan mereka tidak menerima sebarang tindak balas atau kejayaan setelah melakukan apa sahaja ke atas Nabi Salleh, mereka telah menjadi lebih zalim. Mereka menyerang Nabi Salleh, mengkritik baginda, dan menuduhnya sebagai pembohong.

Maka mereka pun menyembelih unta betina (yang menjadi mukjizat) kepada Nabi Salleh sebagai ujian kepada mereka, dan mereka menderhaka terhadap perintah

Tuhan mereka, sambil berkata: “Hai Salleh! Datangkanlah azab yang engkau telah janjikan kepada kami, jika betul engkau dari Rasul-rasul yang diutuskan (oleh Allah)”. (Surah Al-A’raf: Ayat 77)

Allah membalas rancangan dan muslihat mereka dan menyelamatkan Nabi Salleh daripada tangan-tangan yang ingin mencederakannya. Selepas kejadian tersebut, dan memandangkan seruannya yang disampaikan melalui pelbagai pendekatan tetapi tidak diterima, Nabi Salleh telah memberitahu kaumnya bahawa mereka semua akan dimusnahkan dalam masa tiga hari.

Mereka kemudiannya menyembelih unta itu, lalu berkatalah Nabi Salleh kepada mereka: “Bersenang-senanglah kamu di tempat masing-masing selama tiga hari, tempoh yang demikian itu, ialah suatu janji yang tidak dapat didustakan”. (Surah Hud: Ayat 65)

Ternyata selepas tiga hari, amaran Nabi Salleh menjadi kenyataan dan kaum Thamud telah dimusnahkan.

Dan orang-orang yang zalim itu, dibinasakan oleh satu ltuhan suara yang menggemparkan bumi, lalu menjadilah mereka mayat-mayat yang tersungkur di tempat tinggal masing-masing. (Mereka punah-ranah) seolah-olah mereka tidak pernah tinggal di situ. Ketahuilah! Sesungguhnya kaum Thamud itu kufurkan Tuhan mereka. Ketahuilah! Sesungguhnya kebinasaanlah akhirnya bagi kaum Thamud. (Surah Hud: Ayat 67-68)

Kesimpulannya, kaum Thamud telah dihukum kerana menolak ajaran Rasul mereka dan mereka telah dimusnahkan. Bangunan-bangunan dan hasil-hasil seni mereka tidak dapat menyelamatkan mereka daripada hukuman Allah S.W.T.. Seperti kaum-kaum

lain yang ingkar sebelum dan selepas mereka, kaum Thamud juga telah dibinasakan dengan hukuman yang hebat.

Kaum Lut

Nabi Lut A.S. hidup sezaman dengan Nabi Ibrahim A.S.. Baginda telah dihantar sebagai rasul bagi satu kaum yang berjiran dengan kaum Nabi Ibrahim A.S.. Seperti yang dijelaskan dalam Al-Quran, kaum Lut membudayakan satu perbuatan yang menyalahi kesusilaan, iaitu liwat. Apabila Nabi Lut mengajak kaumnya supaya meninggalkan perbuatan tersebut dan juga amaran daripada Allah, mereka telah menolak seruan itu, menafikan kerasulannya sambil meneruskan perbuatan terkutuk itu. Akhirnya masyarakat itu telah dimusnahkan melalui satu melapetaka yang sungguh dahsyat.

Bandar tempat tinggal Nabi Lut A.S. disebut oleh Perjanjian Lama sebagai bandar Sodom. Bandar ini terletak di bahagian utama Laut Merah dan dipercayai telah dimusnahkan seperti yang tersebut di dalam Al-Quran. Kajian-kajian arkeologi mendapati bahawa bandar ini terletak di kawasan Laut Mati sepanjang sempadan Israel – Jordan.

Kemusnahan Kaum Lut

Marilah kita bersama-sama melihat mengapa kaum Nabi Lut A.S. telah dibalas sedemikian rupa. Al-Quran telah menerangkan bagaimana Nabi Lut memberi ingatan kepada kaumnya dan jawapan mereka terhadapnya:

(Demikian jua) kaum Nabi Lut telah mendustakan Rasul-rasul (yang diutus kepada mereka). Tatkala saudara mereka – Nabi Lut, berkata kepada mereka: “Hendaknya kamu mematuhi perintah Allah dan menjauhi larangan-Nya. “Sesungguhnya aku ini Rasul yang amanah, (yang diutus oleh Allah) kepada kamu. Oleh itu, takutilah kamu akan (kemurkaan) Allah, dan taatlah kepadaku. Dan aku tidak meminta kepada kamu sebarang upah mengenai apa yang aku

sampaikan (dari Tuhanku); balasanku hanyalah terserah kepada Allah Tuhan sekalian alam. Patutkah kamu melakukan hubungan sejenis dengan lelaki dalam kalangan manusia? Dan kamu tinggalkan apa yang diciptakan oleh Tuhan kamu untuk kamu (melakukan hubungan yang halal) dari badan isteri-isteri kamu? (Kamu orang-orang yang bersalah) bahkan kamu adalah kaum yang melampaui batas (keinginan kebanyakan haiwan)! Mereka menjawab: “Sesungguhnya jika engkau tidak berhenti wahai Lut (daripada mencaci dan menyalahkan kami), nescaya engkau akan diusir keluar!” Nabi Lut berkata: “Sesungguhnya aku dari orang-orang yang bencikan perbuatan kamu yang keji”. (Surah As-Syuara: Ayat 160-168)

Seruan Nabi Lut telah disambut dengan pelbagai ugutan oleh kaumnya. Baginda telah menerima kebencian daripada kaumnya hanya kerana baginda menunjuki ke jalan yang benar. Mereka berusaha menyisihkan baginda dan pengikut-pengikutnya. Nabi Lut tetap tabah dalam meneruskan seruannya walaupun mendapat tentangan. Di samping itu, baginda turut berdoa meminta pertolongan dan perlindungan Allah demi keselamatan diri dan keluarga baginda.

Sebagai memakbulkan doa Nabi Lut, Allah telah menghantar dua orang malaikat yang menyerupai manusia. Sebelum bertemu Nabi Lut, kedua-dua malaikat tersebut telah menziarahi Nabi Ibrahim terlebih dahulu. Kedua-dua utusan Allah itu membawa berita gembira buat Nabi Ibrahim kerana isterinya akan melahirkan seorang anak. Mereka juga menerangkan tujuan mereka dihantar oleh Allah: kaum Nabi Lut yang biadab akan dimusnahkan.

Kedua-dua malaikat itupun terus menemui Nabi Lut. Baginda agak cemas pada mulanya kerana belum pernah bertemu dengan kedua-dua utusan ini, tetapi selepas mereka berbual seketika, perasaan cemas itu pun hilang.

Sementara itu, kaumnya telah mendapat berita bahawa Nabi Lut dikunjungi oleh tetamu. Tanpa segan silu, mereka telah datang untuk bertemu dengan tetamu-tetamu Nabi

Lut. Mereka mengelilingi rumah Nabi Lut. Baginda berasa amat bimbang akan keselamatan tetamu-tetamunya lantas berucap kepada mereka:

Nabi Lut berkata: “Sesungguhnya mereka ini tetamuku, maka janganlah kamu memberi malu kepadaku. “Dan takutlah kamu kepada Allah, serta janganlah kamu menghinakan daku”. (Surah Al-Hijr: Ayat 68-69)

Kaumnya menjawab:

Mereka menjawab: “Bukankah kami telah melarangmu jangan menerima sebarang tetamu dari orang ramai (atau memberi perlindungan kepada mereka)?” (Surah Al-Hijr: Ayat 70)


Mengenangkan sesuatu yang buruk akan berlaku kepada dirinya dan tetamu-tetamunya, Nabi Lut mengingatkan kaumnya bahawa mereka akan binasa sekiranya baginda diberikan segala kekuatan untuk menentang mereka. ‘Tetamu-tetamunya’ mengingatkan Nabi Nuh bahawa mereka adalah utusan Allah yang datang untuk menyelamatkan baginda dan berkata:

“Wahai Lut! Sesungguhnya kami (adalah malaikat) utusan Tuhanmu. Kaum engkau yang jahat itu tidak sekali-kali akan dapat melakukan kepadamu (sebarang bencana). Oleh itu, pergilah berundur dari sini bersama-sama keluargamu pada tengah malam, dan janganlah seorang pun daripada kamu menoleh ke belakang. Kecuali isterimu, sesungguhnya ia akan ditimpa azab yang akan menimpa mereka (kerana ia memihak kepada mereka). Sesungguhnya masa yang dijanjikan untuk menimpakan azab kepada mereka ialah waktu subuh; bukankah waktu subuh itu sudah dekat?”. (Surah Hud: Ayat 81)

Apabila kebiadaban penduduk-penduduk bandar itu sampai ke kemuncaknya. Allah telah menyelamatkan Nabi Lut melalui kedua-dua malaikat-Nya. Pada sebelah paginya, kaum Nabi Lut telah dimusnahkan oleh satu malapetaka yang pernah diingatkan Nabi Lut kepada mereka. Antara keterangan ayat-ayat Al-Quran yang menceritakan kisah kemusnahan Nabi Lut termasuklah:

1. Kaum Lut dibinasakan oleh letusan suara yang menggemparkan bumi ketika matahari terbit. Allah menjadikan negeri mereka tunggang-terbalik (tertimbus segala yang ada di muka buminya), dan dihujani atasnya batu dari tanah yang dibakar.
2. Negeri mereka ditunggang-terbalikkan dan Allah menghujani mereka dengan batu-batu dari tanah yang dibakar, menyimpannya bertalu-talu.
3. Mereka dihancurkan dan dihujani dengan hujan (azab yang membinasakan); amatlah buruknya hujan azab yang menimpa mereka.

Apabila kaumnya dihapuskan, hanya Nabi Lut dan mereka yang beriman sahaja yang terselamat. Bilangan mereka hanyalah seramai satu “isirumah”. Isteri Nabi Lut juga tidak beriman dan telah bersama-sama dengan kemusnahan. Nabi Lut telah diselamatkan bersama-sama dengan orang-orang yang beriman dan keluarganya kecuali isterinya. Bagi orang-orang yang zalim, mereka semuanya telah dibinasakan dan bandar tempat tinggal mereka hancur ke bumi.



**Gambar satelit yang menunjukkan wilayah tempat tinggal kaum Nabi Lut.*